

Headline	BGC-Pernisma meterai MoU, tawar pembiayaan kepada kontraktor		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	17 Feb 2024	Readership	420,000
Circulation	140,000	Page No	12
Section	Nasional	Journalist	N/A
ArticleSize	271 cm ²		
PR Value	RM 17,235		



BGC-Pernisma meterai MoU, tawar pembiayaan kepada kontraktor

SHAH ALAM - Syarikat pemfaktoran, Barokah Global Capital Sdn Bhd (BGC) bersama Persatuan Rakan Niaga Strategik Malaysia (Pernisma) bersepakat dalam usaha menawarkan kemudahan pembiayaan (pemfaktoran) yang mematuhi syariah.

Presiden BGC, Datuk Zulkifli Ab Rahaman berkata, ia membabitkan pembiayaan kerja-kerja kontrak kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan merangkumi semua vendor syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan kerajaan.

Menurutnya, Pernisma mempunyai lebih 800 vendor dan kontraktor berdaftar yang diberi mandat untuk melaksanakan kerja-kerja kontrak bernilai sehingga RM1.2 bilion setahun.

"Kami juga berusaha untuk membantu kontraktor bumiputera bagi memperbaiki aliran tunai tercapai.

"BGC akan tawarkan fasiliti perkhidmat-



Majlis menandatangani memorandum persefahaman turut disaksikan pengurusan tertinggi BGC dan Pernisma di Ibu Pejabat Pernisma, Selangor pada Khamis.

an kepada ahli yang memenuhi syarat dan akan mendapat manfaat seperti kos pentadbiran dan risiko kredit yang lebih rendah.

"Dengan ini mereka akan memberi tumpuan yang lebih kepada pengurusan perniagaan dan seterusnya meningkatkan

prestasi perkhidmatan ke arah pembangunan TNB khususnya," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Kerjasama berkenaan dilakukan menerusi pemeteraihan menandatangani memorandum persefahaman (MoU)

ditandatangani oleh Zulkifli dan Presiden Pernisma, Mohd Daud Mohd Sharif yang disaksikan oleh pengurusan tertinggi kedua-dua pihak tersebut di Ibu Pejabat Pernisma, Selangor.

Mengulas lanjut, Zulkifli memaklumkan menerusi kemudahan pembiayaan itu, pihaknya menyediakan peruntukan permulaan sehingga RM50 juta kepada ahli.

Katanya, nilai pembiayaan itu disediakan dan bergantung kepada jumlah kontrak diperoleh daripada TNB serta kadar faedah pembiayaan ditawarkan juga kompetitif.

"Ia merupakan tawaran harga *early bird* dengan kos pembiayaan yang lebih istimewa. Tambahan RM250 juta juga akan disediakan untuk khidmat pasca dan pra pemfaktoran kepada invoice serta pembiayaan terhadap booi atau insurans.

"Jadi untuk tahun ini dan tahun hadapan jumlah peruntukan disediakan sebanyak RM300 juta," jelasnya.